

FSKKP anjur Persidangan ICSECS 2013 kali ke-3



Oleh: NORANIZA SAMAT

Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Perisian dan Sistem Komputer (ICSECS) untuk kali ketiga yang berlangsung pada 22 Ogos 2013 yang lalu di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang.

Persidangan bertemakan "*Engineering Software Towards Sustainable Quality Systems*" yang memfokuskan bidang sistem komputer, rangkaian dan kejuruteraan perisian ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff.

Semasa ucapan beliau di majlis perasmian, perkembangan teknologi yang bermula pada era 80-an telah memacu pembangunan Sistem Komputer, Kejuruteraan Perisian dan Teknologi Maklumat.

"Malah, dunia kelihatan semakin kecil dengan kemunculan teknologi internet yang memudahkan urusan kehidupan seharian dan pekerjaan dengan adanya pelbagai perkhidmatan atas talian.

"Aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang ini tidak seharusnya hanya menumpukan penyelidikan dan pembangunan sistem dan teknik, malah ianya juga perlu menekankan tentang aspek kelestarian sistem dan teknik tersebut," katanya semasa merasmikan program.

Hadir sama dalam majlis, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz.

Dalam majlis itu juga, dua orang pembentang kertas kerja menyampaikan ucap-tama iaitu, Professor Dr. Jasni Mohamad Zain dengan tajuk 'Sustainable Quality

Systems in Organizations' dan Professor Dr. Michael Wagner dengan tajuk 'Biometric Person Authentication - Strengthening Our Defences in the Face of a Computer Security Crisis'.

Turut diumumkan dalam persidangan, tiga kertas kerja terbaik dimenangi oleh Ismail Assayad, Abdelouahed Zakari, Mohamed Sadik dan Tarik Nahhal dari ENSEM Université Hassan II Casablanca, Morocco dengan tajuk "*Modeling and Analysis of Heterogenous Architectures and Application to System C*".

Manakala peserta Tee Connie, Micheal Kah Ong Goh dan Andrew Beng Jin Teoh dari Multimedia University yang membentangkan tajuk "*Subspace Learning On Grassmannian Manifold For Human Gait Analysis*" juga dipilih memenangi kategori ini.

Selain itu kertas kerja oleh Mohd Hanis Rani dan Profesor Dr. Abdullah Embong dari Universiti Malaysia Pahang yang bertajuk "*Predicting Student Performance in Object Oriented Programming Using Decision Tree: A Case at Kolej Poly-Tech Mara, Kuantan*" turut diumumkan sebagai pemenang.

Sementara itu, pembentangan daripada Zainura Idrus, Siti Z.Z. Abidin, N. Omar dan Ajab Akbarally dari Universiti Teknologi Mara dengan tajuk "*Modeling Role Behavior for Managing Users Through a Networked Collaborative Monopoly Game Abstraction*" menang kategori pembentang terbaik dalam persidangan ICSECS pada kali ini.

Di akhir persidangan, para peserta juga berkesempatan melawat beberapa tempat menarik di sekitar Pahang seperti Muzium Sungai Lembing, Pusat Penerangan dan Konservasi Penyu dan Teluk Chempedak.